



19 Mac 2012  
19 March 2012  
P.U. (A) 77

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN  
PERKHIDMATAN (INDUSTRI SKIM PERSARAAN SWASTA)  
2012

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (PRIVATE RETIREMENT  
SCHEME INDUSTRY) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007**

**PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (INDUSTRI SKIM  
PERSARAAN SWASTA) 2012**

---

**SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN**

---

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II  
SKIM PERSARAAN SWASTA**

**PENGGAL 1**

Permohonan bagi kelulusan

3. Permohonan bagi kelulusan suatu skim persaraan swasta

**PENGGAL 2**

Surat ikatan

4. Pendaftaran surat ikatan
5. Pengubahsuaian surat ikatan melalui surat ikatan tambahan
6. Surat ikatan hendaklah diserah simpan dengan Suruhanjaya

PENGGAL 3  
Dokumen penzahiran

7. Dokumen penzahiran
8. Dokumen penzahiran tambahan atau gantian
9. Dokumen penzahiran hendaklah diserah simpan dengan Suruhanjaya

PENGGAL 4  
Penyedia skim persaraan swasta

10. Kewajipan dan tanggungjawab penyedia skim persaraan swasta
11. Kewajipan penyedia skim persaraan swasta berhubung dengan laporan tahunan, penyata, dsb.

PENGGAL 5  
Pemegang amanah skim

12. Kewajipan dan tanggungjawab pemegang amanah skim
13. Kewajipan pemegang amanah skim untuk memberitahu Suruhanjaya
14. Pengecualian bagi pemegang amanah skim daripada tanggungan dan menanggung rugi tanggungan
15. Pemegang amanah skim ditanggung rugi
16. Penggantian pemegang amanah skim

PENGGAL 6  
Daftar

17. Daftar anggota
18. Penutupan daftar
19. Kuasa mahkamah untuk membetulkan daftar

**PENGGAL 7**  
**Mesyuarat anggota**

20. Mesyuarat dituntut oleh anggota
21. Kuasa pemegang amanah skim untuk memanggil mesyuarat
22. Mahkamah boleh memerintahkan suatu mesyuarat anggota

**PENGGAL 8**

Am

23. Kuasa mahkamah untuk membuat perintah
24. Hak pemegang amanah, wasi dan pentadbir berhubung dengan anggota yang mati
25. Penggulungan suatu skim persaraan swasta

**BAHAGIAN III**  
**PEMEGANG AMANAH BAGI SKIM PERSARAAN TAJAAN MAJIKAN**

26. Kewajipan dan tanggungjawab pemegang amanah majikan

## AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

### PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (INDUSTRI SKIM PERSARAAN SWASTA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 139ZI Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

##### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Industri Skim Persaraan Swasta) 2012.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 19 Mac 2012.

##### **Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“kumpulan wang” ertinya apa-apa kumpulan wang dalam suatu skim persaraan swasta;

“dokumen penzahiran” ertinya apa-apa dokumen yang dikeluarkan oleh penyedia skim persaraan swasta yang mempelawa caruman kepada skim persaraan swasta itu;

“resolusi khas” ertinya suatu resolusi yang diluluskan oleh majoriti tidak kurang daripada tiga perempat anggota yang mengundi dalam mesyuarat anggota;

“surat ikatan” ertinya apa-apa surat ikatan yang mewujudkan amanah yang mengawal penubuhan dan operasi suatu skim persaraan swasta dan kumpulan wang dalam skim persaraan swasta itu dan termasuk apa-apa surat ikatan tambahan.